

# 'Berkorbanlah demi masa depan anak'

*Kerajaan Melaka kenal pasti kawasan untuk pindahkan 40 penduduk Kampung Sungai Jernih*

Oleh Hasnira Hassan

**M**ELAKA: Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam meminta penduduk Kampung Sungai Jernih 'berkorban' demi generasi akan datang rakyat Melaka bagi membolehkan satu lagi empangan negeri dibina di kawasan mereka.

Beliau berkata, Sungai Jernih adalah lokasi terakhir yang didapati sesuai bagi tujuan berkenaan selepas Kampung Jus di Jasin bagi pembinaan Empangan Jus.

Malah, katanya, bukan semua penduduk akan dipindahkan sebaliknya hanya 40 rumah yang dijangka terbahit.

Katanya, mereka yang terbahit akan dibayar pampasan yang berpatutan bagi setiap tanah, selain pemberian 0.4

hektar tanah bagi setiap keluarga dan rumah bagi mereka yang dipindahkan.

"Pada asalnya, penduduk Kampung Jus juga tidak bersetuju, tetapi selepas diberi penjelasan mengenai kepentingan rakyat, akhirnya mereka akur dipindahkan.

"Kita harap penduduk faham keperluan membina Empangan Sungai Jernih ini iaitu bagi membekalkan air kepada penduduk tempatan kerana empangan kedua negeri iaitu Empangan Jus hanya boleh menampung bekalan air mentah sehingga 2018.

"Memang ada seramai 17 penduduk yang membantah 100 peratus pembinaan empangan ini dengan mencadangkan ia dibina di tempat lain,

**“Berbaktilah sedikit untuk masa depan generasi kita, hari ini manusia berperang sebab minyak, dunia akan datang berperang sebab air dan makanan”**

**Mohd Ali Rustam**  
Ketua Menteri Melaka

tetapi tiada tempat lain yang sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai bantahan sebahagian daripada 40 penduduk Kampung Sungai Jernih, Brisu, Alor Gajah, dekat sini terhadap cadangan pembinaan takungan air mentah yang akan menenggelamkan 258 lot tanah di kampung mereka, pada 2 Mei lalu.

Kelmarin, Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya dan Kemudahan Awam Negeri, Datuk Hamdin Abdollah, berkata bantahan sebahagian besar penduduk Kampung Sungai Jernih itu akan dibentangkan pada mesyuarat Exco akan datang.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri sudah mengenal pasti tanah seluas

## FAKTA

### Cadangan

- Agensi pelaksana - Perbadanan Air Melaka (Pam)
- Tapak cadangan projek di kawasan Mukim Sungai Siput di Alor Gajah
- Empangan dan kolam takungan yang dibina di Sungai Jernih akan mempunyai takungan aktif 25,000 mililiter air.
- Tapak empangan terletak 600 meter dari Jalan Lubok China, Brisu, Alor Gajah
- Kolam takungan dijangka menenggelamkan kawasan seluas tiga kilometer panjang dan satu kilometer lebar.

kira-kira 40 hektar di kawasan kampung berhampiran sebagai penempatan semula penduduk Kampung Sungai Jernih yang akan dipindahkan.

"Kita harap penduduk Kampung Sungai Jernih dapat bertolak ansur, dulu penduduk kampung Durian Tunggal juga membantah tapi pengorbanan mereka hari ini dapat memberi manfaat kepada pihak lain dan tanpa mereka, penduduk Sungai Jernih juga tidak akan dapat bekalan air sebagai mana hari ini.

"Berbaktilah sedikit untuk masa depan generasi kita, hari ini manusia berperang sebab minyak, dunia akan datang berperang sebab air dan makanan," katanya.